

KUIM - Universiti Al-Azhar 20 Jul 2002 Jm bekerjasama tubuh fakulti perubatan

KUALA LUMPUR 29 Julai – Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan bekerjasama dengan Universiti Al-Azhar bagi menubuhkan fakulti perubatannya secepat mungkin.

Pengerusinya, Tan Sri Dr. Yusof Noor berkata, fakulti itu akan ditubuhkan bagi memenuhi wawasan KUIM untuk melahirkan graduan dari pelbagai bidang dan tidak terhad dalam bidang pengajian Islam sahaja.

“Sebelum ini, memang semua pelajar yang melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar mengikuti pengajian Islam.

“Namun kini Al-Azhar juga melahirkan graduan di bidang perubatan dan inilah yang hendak dicontohi oleh KUIM,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Persidangan Antarabangsa KUIM Mengenai Pengajian Islam Di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Dunia, di sini hari ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latif Ahmad menyempurnakan upacara perasmian mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Dr. Yusof, KUIM akan berbinang dengan Kementerian Pendidikan bagi merancang pembinaan kemudahan termasuk makmal yang diperlukan untuk fakulti perubatan itu kelak.

Pada masa depan, katanya, KUIM merancang mengadakan kerjasama dengan lebih banyak universiti bagi menubuhkan fakulti dalam pelbagai bidang lain.

“Kita juga merancang mengadakan pengajian dalam bidang sains dan teknologi selepas ini,” katanya.

Beliau yakin pembinaan kampus tetap KUIM di Nilai, Negeri Sembilan akan merealisasikan hasrat kolej itu melahirkan graduan Islam yang menguasai pelbagai lapangan kehidupan.

Perasmian tapak kampus KUIM itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 22 Ogos ini.

KUIM merupakan universiti awam ke-12 ditubuhkan kerajaan dengan matlamat menjana dan mengintegrasikan pendidikan Islam ke dalam arus perdana pembangunan pendidikan kebangsaan.

KUIM mengambil kumpulan pertama pelajarinya pada Jun 2000 bagi mengikuti empat bidang pengajian yang ditawarkan di bawah Fakulti Syariah dan Perundangan, Fakulti Quran dan Pengajian Sunnah, Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam serta Fakulti Ekonomi dan Muamalat.

Dr. Yusof dalam ucapannya berkata, KUIM merancang untuk menawarkan lebih banyak program baru termasuk perubatan.